A

Fermpro Sdn Bhd lwn Pendakwa Raya

B MAHKAMAH TINGGI (KANGAR) — RAYUAN JENAYAH NO RA-42ES-1–12 TAHUN 2019
ARIK SANUSI PK
16 APRIL 2021

C *Prosedur Jenayah — Akta Kualiti Alam Sekeliling — Kesalahan — Melanggar notis arahan — Kegagalan meleraikan komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir bagi tujuan pemindahan efluen ke lori tangki — Pendakwaan — Sama ada pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie — Sama ada pembelaan untuk keraguan munasabah dibangkitkan — Sama ada pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah — Sama ada perkataan 'berbahaya' terpakai pada elemen 'buangan' dan perlu dibuktikan untuk pertuduhan bawah s 31(1)(g) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 — Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 s 31(1)*

D

E

Ini merupakan rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman serta perintah lain yang dikenakan mahkamah sesyen kepada perayu setelah mereka didapati bersalah melanggar notis arahan yang dikeluarkan Jabatan Alam Sekitar di bawah s 31(1)(g) Akta Kualiti Alam Sekeliling Pihak pendakwaan memanggil

F tiga saksi iaitu SP1, SP2 dan SP3 yang masing-masing bertugas sebagai Penolong Jurutera, Pegawai Kawalan dan Pembantu Operasi di Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis ('JAS'); dan mengemukakan ekshibit-ekshibit berupa gambar sebagai keterangan. Berpuas hati pihak pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie, hakim mahkamah sesyen ('HMS')

G memanggil perayu membela diri. Dalam pembelaannya, perayu memanggil dua saksi, iaitu DW1 dan DW2 yang masing-masing berkhidmat untuk perayu sebagai Pengurus Alam Sekitar Makmal dan Keselamatan Pekerja dan Pembantu Pengurus Penyenggaraan. Di akhir kes HMS membuat dapatan bahawa perayu gagal untuk menimbulkan keraguan munasabah dan setelah

H menimbangkan kesemua keterangan dalam perbicaraan tersebut mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes malampaui keraguan munasabah. Isu undang-undang yang dibangkitkan sewaktu rayuan adalah: (a) sama ada perkataan 'berbahaya' terpakai pada elemen 'buangan' dan perlu dibuktikan untuk pertuduhan bawah s 31(1)(g) Akta; dan (b) sama ada

I pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah terhadap perayu.

Diputuskan, menolak rayuan dan mengekalkan keputusan mahkamah sesyen:

(1) Memandangkan Akta Kualiti Alam Sekeliling digubal pada tahun 1974, dan Yang diPertuan Agong tidak menetapkan teks dalam Bahasa Inggeris Akta 127 sebagai teks sahih, maka teks Bahasa Malaysia adalah teks sahih bagi perundangan tersebut. Justeru, bagi mentafsirkan pemakaian perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1), ianya hanya terpakai kepada elemen pertama 'alam sekeliling' sahaja dan tidak terpakai kepada elemen kedua 'pencemar' dan elemen ketiga 'buangan' kerana terdapat pengunaan tanda baca koma dan perkataan atau yang mana undang-undang adalah mantap bahawa apabila terdapat tanda baca koma dan perkataan atau dalam sesuatu farsa ianya harus dibaca secara disjunktif. Maka, untuk memberi makna yang tepat dan betul pada elemen 'pencemar' dan elemen 'buangan', perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1) Akta hendaklah dibaca secara disjunktif. Oleh itu, perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1) Akta hanya terpakai pada elemen 'alam sekitar' sahaja dan tidak pada elemen 'pencemar' dan 'buangan'. Pihak pendakwaan tidak perlu membuktikan elemen 'berbahaya' pada elemen 'buangan' seperti dalam pertuduhan (lihat perenggan 18, 20–21, 25 & 29).

(2) Tiga inti pati yang perlu dibuktikan secara prima facie oleh pihak pendakwaan bagi pertuduhan dibawah s 31(1)(g) adalah: (a) perayu sedang mengeluarkan atau melepaskan buangan atau efluen daripada premis tersebut; (b) Ketua Pengara Kualiti Alam Sekeliling Malaysia telah mengeluarkan notis arahan secara bertulis menghendaki pemunya premis untuk mengambil langkah-langkah dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis arahan tersebut; dan (c) perayu gagal mematuhi notis arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Alam Sekeliling Malaysia (lihat perenggan 38).

(3) Mahkamah meneliti keterangan SP1 hingga SP3 dan ekshibit-ekshibit membuktikan: (a) perayu telah membuang efluen perindustrian yang dihasilkan oleh premis perayu dalam petak sawah padi dan tanaman rumput napier tanpa kelulusan Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia dengan menggunakan lori; (b) perayu telah menerima notis arahan bawah s 31(1)(g) Akta yang menghendakinya menghentikan serta merta aktiviti pembuangan efluen tersebut dan meleraikan semua komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir untuk tujuan pemindahan efluen ke lori tangki; dan (c) perayu gagal mematuhi notis arahan ini. Mahkamah berpuas hati dapatan HMS bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie di akhir kes pendakwaan adalah betul dan tepat (lihat perenggan 39–41).

(4) Mahkamah mendapati saksi-saksi pembelaan sendiri bersetuju dan mengakui bahawa perayu telah menerima notis arahan tersebut dan telah gagal mematuhi arahan yang diberikan dalam notis arahan tersebut oleh itu mahkamah bersetuju dengan dapatan dan keputusan HMS di akhir kes pembelaan mendapati OKT bersalah dan disabitkan di atas

pertuduhan. Dapatan HMS di akhir kes pembelaan juga disetujui; pihak pendawaan berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah manakala pihak pembelaan gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pendakwaan. Sabitan betul dan hukuman yang dijatuhkan juga tidak memerlukan campur tangan rayuan (lihat perenggan 54–56).

(5) Mahkamah berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan oleh HMS bukanlah suatu jumlah yang sangat melampau (*not manifestly excessive*) dan adalah setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu. Oleh itu, mahkamah berpendapat hukuman tersebut tidak memerlukan campurtangan rayuan ini (*appellate intervention*) (perenggan 58).

[English summary

This was the appellant's appeal against the conviction and sentence as well as other orders issued by the sessions' court to the appellant after they were found guilty of breaching the instruction notice which was issued by the Department of Environment pursuant to s 31(1)(g) of the Environmental Quality Act. The prosecution called three witnesses being SP1, SP2 and SP3 which each were Assistant Engineers, Controlling Officer and the operations assistant in the Department of Environment, in the State of Perlis (DOE); and tendered exhibits being photos as evidence. Satisfied that the prosecution had probed a prima facie case, the sessions court judge ('SCJ') called the appellant to enter its defence. In its defence, the appellant called DW1 and DW2 who each worked for the appellant as the Environment Lab and Worker Safety Manager and Assistant Manager of Maintenance. At the end of the case the SCJ made a finding that the appellant failed to raise a reasonable doubt and after considering all the evidence in the trial found that the prosecution had proven it sees beyond reasonable doubt. The legal issues which were raised during the appeal were: (a) wether the word 'dangerous' was applicable to the element of waste and had to be proved for a charge under s 31(1)(g) of the Act; and (b) whether the prosecution successfully proved a case beyond a reasonable doubt against the appellant.

Held, dismissing the appeal and affirming the decision of the sessions court:

(1) Because the environmental protection act was promoted in the year 1974, and the Yang di-Pertuan Agong did not specify that the text in English of act 127 as the authoritative text, therefore but national language text is the authoritative text for the said legislation. hence, to interpret the usage off the word 'dangerous' in s 31(1), was only applicable to the first element 'environment' and not applicable to the second element 'pollutant' and the third element 'waste' because there was use of a comma and the word or which was trite law when there was a comma and the word or in a phrase it must be read disjunctively. Therefore, to give accurate and correct meaning to the element 'pollutant' and the element 'waste' the word 'dangerous' in s 31(1) of the

act has to be read disjunctively. Therefore, the word dangerous in s 31(1) of the act it's only applicable to the element 'environment' and not the element 'pollutant' and 'waste'. The prosecution need not prove the element 'dangerous for the element 'waste' as per the charge (see paras 18, 20–21, 25 & 29).

(2) The three ingredients that need to be proved prima facie by the prosecution for a charge under s 31(1)(g) are: (a) the appellant was producing or releasing waste being affluent from the said premises; (b) the Director General of Environment Malaysia had issued a notice in writing requiring the owner of the premises to take steps within a period of time and in the way specified in the said instruction notice; and (c) the appellant failed to abide by the said instruction notice which was issued by the Director General of Environment Malaysia (see para 38).

(3) The court having examined the evidence of SP1 until SP3 and the exhibits proved: (a) the appellant had disposed industrial effluents which were produced by the appellant's premises in the paddy squares and napier grass plants without the approval of the Director General of Environment Malaysia using lorries; (b) the appellant had received a notice under s 31(i)(g) of the Act which required it to immediately cease all activities of effluent disposal and dismantle all components in relation to the assembly of the pump in the last pond for the purposes of transferring the effluent into the tanker; and (c) the appellant failed to comply with the said order. This court is satisfied with the finding of the SCJ that the prosecution had proven a prima facie case at the end of the prosecution's case was correct (see paras 39–41).

(4) The court found that the witnesses of the defence themselves agreed and admitted that the appellant had received the said instruction notice and had failed to comply with the said instructions that were given in the said instruction notice therefore the court was in agreement with the SCJ at the end of the defence case and finding the accused guilty and was convicted on the charges. The finding of the SCJ at the end of the defence case was also agreed upon; the prosecution had successfully proven a case beyond a reasonable doubt while the defence had failed to raise a reasonable doubt towards the case of the prosecution. The conviction was correct, and the sentence meted out also did not require appellate intervention (see paras 54–56).

(5) The court was also of the view that the sentence meted out by the SCJ was not manifestly excessive and was proportionate to the offence that was committed by the appellant. Therefore, the court was of the view that the said sentence does not warrant appellate intervention (see para 58).]

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah bin Atan v PP and other appeals [2020] 6 MLJ 727, MP (diikut)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301, MP (dirujuk)
Looi Kow Chai & Anor v PP [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734, MR (dirujuk)
Magendran a/l Mohan v PP [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, MP (dirujuk)
PP v Cocolin Industries Sdn Bhd [2007] MLJU 499; [2008] 8 CLJ 116, MT (dibeza)
PP v Mohd Radzi bin Abu Bakar [2005] 6 MLJ 393, MP (dirujuk)
PP v Ong Cheng Heong [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209, MT (diikut)
William Minggu a/k Nyegang & Anor v PP [2002] 3 MLJ 583; [2002] 8 CLJ 1008, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 ss 31, 31(1), (1)(g), (2), 31(3), 37
Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 s 6
Kanun Tatacara Jenayah ss 180, 182A

Asmaniza bt Abdullah (Yasmeen Hajar & Hairudin) bagi pihak perayu.
Mohd Izham bin Ali (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Perlis) bagi pihak pendakwaan.

Arik Sanusi PK:

PENDAHULUAN

[1] Ini merupakan rayuan perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan mahkamah ini yang telah mengekalkan sabitan dan hukuman denda RM25,000 jika gagal bayar, pihak Kerajaan boleh melevi harta syarikat melalui Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis, denda tambahan RM5,000 jika gagal bayar, pihak Kerajaan boleh melevi harta syarikat melalui Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis dan pihak perayu diperintahkan meleraikan komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir bagi tujuan pemindahan efluen ke lori tangki, yang telah dikenakan oleh hakim Mahkamah Sesyen Kangar yang bijaksana pada 20 Disember 2019.

LATAR BELAKANG

[2] Dalam kes ini, perayu telah dituduh di Mahkamah Sesyen Kangar pada 10 Julai 2018 seperti yang berikut:

> Bahawa kamu pada 29 Februari 2016 lebih kurang jam 3.39 petang bertempat di premis Kilang Fempro Sdn Bhd di alamat Lot 2, Kawasan Perindustrian Chuping, 02450 Kangar di dalam Negeri Perlis didapati telah gagal mematuhi meleraikan semua komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir bagi tujuan pemindahan efluen ke lori tangki.

Dengan itu kamu telah melanggar notis arahan yang telah dikeluarkan di bawah seksyen 31(1)(g) Akta Kualiti Alam Sekeliling [Akta 127] bertarikh 19 November 2015 dan boleh dihukum di bawah seksyen 31(3) Akta yang sama.

[3] Seksyen 31(1)(g) Akta 127 memperuntukkan seperti yang berikut:

Seksyen 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.

(1) Jika mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau *buangan* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya, atau daripada mana-mana pesawat udara, Ketua Pengarah boleh dengan notis secara bertulis menghendaki pemunya atau penduduk kenderaan, kapal atau premis, atau pesawat udara itu, untuk —

(a) memasang dan mengendalikan apa-apa kelengkapan kawalan atau kelengkapan kawalan tambahan;

(b) membaiki, mengubah atau mengganti apa-apa kelengkapan atau kelengkapan kawalan;

(c) mendirikan atau meninggikan lagi apa-apa cerobong;

(d) mengukur, mengambil sampel, menganalisa, merekod dan melaporkan apa-apa benda berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar, buangan, pengaliran atau keluaran yang mengandungi pencemar;

(e) menjalankan suatu kajian ke atas apa-apa risiko alam sekeliling;

(f) memasang, menyenggara dan mengendalikan suatu program pengawasan atas perbelanjaan pemunya atau penduduk; atau

(g) *mengambil apa-apa langkah untuk mengurangkan, meringankan, menyuraikan, menghilangkan, membasmi, membinasa atau melupuskan pencemaran*,

dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis itu. (Penekanan ditambah.)

[4] Selanjutnya, di bawah s 31(3) Akta 127, mana-mana orang yang melanggar notis yang dikeluarkan di bawah sub-s (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda tidak melebihi dua puluh lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan selepas penyampaian notis yang dinyatakan dalam sub-s (1) atau (2).

[5] Perayu telah tidak mengaku salah dan minta dibicarakan di Mahkamah Sesyen Kangar atas pertuduhan tersebut.

[6] Di peringkat kes pendakwaan, seramai tiga orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan, iaitu Hafishoh bt Md Isa, Penolong Jurutera di Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis (SP1), Mohd Faizal bin Ab Jalil, Pegawai Kawalan Kanan Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis (SP2) dan Mohd Azli bin Md Ali, Pembantu Operasi Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis (SP3).

[7] Di akhir kes pendakwaan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap perayu bagi kesalahan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 dan boleh dihukum di bawah s 31(3) Akta yang sama. Oleh itu, perayu telah dipanggil untuk membela diri atas pertuduhan tersebut.

[8] Perayu telah memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah dalam pembelaannya dan telah mengemukakan dua orang saksi, iaitu Khairul Akhbar bin Ahmad Zabidi, Pengurus Alam Sekitar, Makmal dan Keselamatan Pekerja di Fermpro Sdn Bhd Perlis (DW1) dan Ng Hock Hoo, Assistant Maintenance Manager di Fermpro Sdn Bhd (DW2).

[9] Di akhir kes pembelaan, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati pihak pembelaan telah gagal menimbulkan keraguan terhadap kes pendakwaan. Setelah menimbangkan semua keterangan dalam perbicaraan tersebut, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu. Oleh itu, perayu telah didapati bersalah dan disabitkan dengan kesalahan sebagaimana pertuduhan tersebut.

[10] Setelah mempertimbangkan rayuan perayu, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman seperti yang berikut:

(a) denda sebanyak RM25,000 jika gagal bayar, pihak Kerajaan boleh melevi harta syarikat melalui Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis;

(b) denda tambahan sebanyak RM5,000 jika gagal bayar, pihak Kerajaan boleh melevi harta syarikat melalui Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis; dan

(c) pihak perayu diperintahkan meleraikan komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir bagi tujuan pemindahan efluen ke lori tangki.

[11] Perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tersebut telah memfailkan rayuan ke mahkamah ini terhadap keseluruhan keputusan tersebut. Mahkamah sesyen tersebut telah membenarkan penangguhan pelaksanaan hukuman sementara rayuan perayu didengar dan dilupuskan oleh mahkamah ini.

ISU UNDANG-UNDANG YANG BERBANGKIT

[12] Berdasarkan rayuan perayu dan penghujahan kedua-dua peguam perayu dan responden yang terpelajar, mahkamah ini mendapati terdapat dua isu undang-undang yang berbangkit dalam rayuan ini, iaitu seperti yang berikut:

(a) sama ada perkataan 'berbahaya (*hazardous*)' terpakai kepada elemen 'buangan (*waste*)' dan perlu dibuktikan bagi pertuduhan di bawah s 31(1)(g) Akta 127; dan

(b) sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu bagi pertuduhan di bawah s 31(1)(g) Akta 127.

DAPATAN DAN KEPUTUSAN MAHKAMAH INI

Isu pertama

[13] Dalam kes ini, perayu telah dituduh di bawah s 31(1)(g) Akta 127. Teks dalam Bahasa Inggeris Akta 127 yang dirujuk oleh peguam perayu yang terpelajar memperuntukkan s 31(1)(g) tersebut seperti yang berikut:

> 31 Power to require owner or occupier to install, operate, repair, etc.
>
> (1) Where any environmentally *hazardous* substances, pollutants or *wastes* are being or are likely to be emitted, discharged or deposited from any vehicle, ship or premises irrespective of whether the vehicle, ship or premises are prescribed under section 18 or otherwise, or from any aircraft, *the Director General may by notice in writing* require the owner or occupier of the vehicle, ship or premises, or aircraft, to —
>
> (a) install and operate any control equipment or additional control equipment;
>
> (b) repair, alter or replace any equipment or control equipment;
>
> (c) erect or increase the height of any chimney;
>
> (d) measure, take a sample of, analyse, record and report any environmentally hazardous substances, pollutants, wastes, effluents or emissions containing pollutants;
>
> (e) conduct a study on any environmental risk;
>
> (f) install, maintain and operate monitoring programme at the expense of the owner or occupier; or
>
> (g) *adopt any measure to reduce, mitigate, disperse, remove, eliminate, destroy or dispose of pollution*;
>
> *within such time and in such manner as may be specified in the notice*. (Penekanan ditambah.)

[14] Berdasarkan teks dalam Bahasa Inggeris Akta 127 tersebut, peguam perayu yang terpelajar menghujahkan di perenggan 14 hujahan bertulis perayu (lampiran 10) seperti yang berikut:

> 14. Berdasarkan seksyen 31(1) Akta tersebut, *Ketua Pengarah hanya boleh mengeluarkan notis kepada perayu sekiranya pihak Responden mendapati* bahawa *mana-mana benda adalah berbahaya kepada alam sekeliling, tercemar atau buangan* yang sedang atau mungkin akan dikeluarkan *adalah berbahaya*. *Bagi menentukan status bahan atau benda tersebut adalah berbahaya, tercemar atau mungkin akan berbahaya, satu ujian perlu dilakukan*. Namun demikian, di dalam kes di hadapan Mahkamah Yang Mulia ini, tiada sebarang hasil ujian dikemukakan oleh pihak Responden.

[15] Dalam perenggan 14 hujahan bertulis perayu tersebut, peguam perayu yang terpelajar menghujahkan bahawa perkataan *'berbahaya (hazardous)'* adalah terpakai kepada ketiga-tiga elemen dalam s 31(1) Akta 127 tersebut, iaitu *alam sekeliling, pencemar atau buangan*. Oleh itu, pihak pendakwaan hendaklah membuktikan wujudnya elemen 'berbahaya' pada elemen buangan atau efluen yang dinyatakan dalam pertuduhan tersebut.

[16] Bagi mendapatkan tafsiran yang betul dan tepat sama ada perkataan 'berbahaya' itu terpakai kepada elemen alam sekeliling sahaja atau turut terpakai kepada elemen pencemar dan buangan, mahkamah ini telah merujuk kepada teks dalam bahasa kebangsaan Akta 127, yang merupakan teks sahih bagi Akta 127. Ini adalah selaras dengan s 6 Akta Bahasa Kebangsaan 1963/67 (Akta 32), yang berkuat kuasa pada 1 September 1967.

[17] Seksyen 6 Akta 32 memperuntukkan seperti yang berikut:

> 6 Teks sahih undang-undang
>
> Teks —
>
> (a) bagi segala Rang Undang-Undang yang akan dikemukakan atau pindaan kepadanya yang akan dicadangkan dalam Parlimen atau mana-mana Dewan Undangan Negeri;
>
> (b) *bagi segala Akta Parlimen* dan segala perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan;
>
> (c) bagi segala Enakmen dan perundangan subsidiari yang dikeluarkan oleh mana-mana Kerajaan Negeri; dan
>
> (d) bagi segala Ordinan yang diisytiharkan oleh Yang di-Pertuan Agong,
>
> hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan dalam Bahasa Inggeris, dan *teks dalam bahasa kebangsaan itu adalah sahih melainkan jika Yang di-Pertuan Agong menetapkan sebaliknya* sama ada secara am atau bagi mana-mana undang-undang atau jenis undang-undang yang tertentu. (Penekanan ditambah.)

[18] Berdasarkan s 6 Akta 32 tersebut, memandangkan Akta 127 digubal pada tahun 1974, iaitu selepas Akta 32 berkuat kuasa pada 1 September 1967, dan Yang di-Pertuan Agong tidak menetapkan teks dalam Bahasa Inggeris Akta 127 sebagai teks sahih, maka dapatan mahkamah ini ialah teks sahih bagi Akta 127 ialah teks dalam bahasa kebangsaan.

[19] Justeru, bagi mentafsirkan pemakaian perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1) Akta 127 tersebut, mahkamah ini telah merujuk kepada teks sahih Akta 127 yang memperuntukkan seperti yang berikut:

> Seksyen 31. Kuasa menghendaki pemunya atau penduduk memasang, mengendali, membaiki, dsb.
>
> (1) Jika *mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling*, *pencemar* atau *buangan* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis, tanpa mengira sama ada kenderaan, kapal atau premis itu adalah yang ditetapkan di bawah seksyen 18 atau selainnya ...

[20] Bagi memberi kesan kepada peruntukan tersebut, mahkamah ini mentafsirkan perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1) Akta 127 hanya terpakai kepada elemen pertama 'alam sekeliling' sahaja, iaitu '... mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling ...', dan tidak terpakai kepada elemen kedua 'pencemar' dan elemen ketiga 'buangan'. Tafsiran ini adalah berasaskan dua alasan seperti di bawah.

[21] Pertama, mahkamah ini mendapati terdapat penggunaan tanda baca koma (,) dan perkataan 'atau' dalam frasa '... mana-mana benda yang berbahaya kepada alam sekeliling, pencemar atau buangan ...' dalam peruntukan tersebut. Undang-undang adalah mantap bahawa apabila terdapat tanda baca koma (,) dan perkataan 'atau' dalam sesuatu frasa, perkataan-perkataan yang terdapat selepas tanda baca koma (,) dan perkataan 'atau' itu hendaklah dibaca secara disjunktif.

[22] Perkara ini telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi dalam kes *William Minggu a/k Nyegang & Anor v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 583; [2002] 8 CLJ 1008 yang mana Clement Skinner J (pada ketika itu) telah memutuskan seperti yang berikut:

> *A second reason for giving the words a disjunctive reading is because, after the words 'Federal Court' a comma appears* and is followed by the conjunction 'and' which *in my view indicates that a disjunctive reading must be given to the words following thereafter*. As authority for the preposition that a punctuation forms part of any statutory enactment and may be used as a guide to interpretation, I refer to the decision of Abdoolcader SCJ in *Dato' Mohamed Hashim Shamsuddin v Attorney-General, Hong Kong* [1986] 2 MLJ 112, where his Lordship had this to say on the matter (at p 122):

A

> The day is long past when the courts would pay no heed to punctuation in any written law (*Hanlon v Law Society* [1981] AC 124, 197–198 per Lord Lawry), and *the presence or absence of a comma may be highly significant* (*Re Steel (deceased) Public Trustee v Christian Aid Society* [1979] Ch 218; *Marshall v Cottingham* [1981] 3 All ER 8, 21). (Penekanan ditambah.)

B

[23] Dalam *Black's Law Dictionary* (6th Ed), perkataan 'or' yang bermaksud 'atau' telah ditakrifkan seperti yang berikut:

> *Or*, conj. *A disjunctive particle used to express an alternative or to give a choice of one among two or more things*. It is also used to clarify what has already been said, and in such cases, means 'in other words', 'to wit', or 'that is to say'. *The word 'or' is to be used as a function word to indicate an alternative between different or unlike things. City of Toledo v Lucas County Budget Commission*, 33 Ohio St 2d 62, 294 NE 2d 661, 663. In some usages, the word 'or' creates a multiple rather than an alternative obligation, where necessary in interpreting an instrument, 'or' may be construed to mean 'and' *Atchison v City of Englewood*, Colo 568 p 2 d 13, 18. (Penekanan ditambah.)

C

D

[24] Selanjutnya, *NS Bindra's Interpretation of Statutes* di ms 277 telah mentafsirkan perkataan '*or*' dan '*and*' seperti yang berikut:

E

> When there is a doubt or a patent absurdity and the grammatical construction fails to give effect to the plain intention of the Act, then the courts are competent to and should rewrite the section in such a way as to give effect to the Act.
>
> *Whilst the word 'or' is normally disjunctive* and the word 'and' is normally conjunctive but there may be occasions where they are read vice versa to give effect to the manifest intentions of the legislature, as disclosed from the context. If a literal reading of the word 'or' produces an absurd result, then 'and' may be read for 'or' and 'or' may be read for 'and'.

F

G

[25] Berdasarkan kaedah pentafsiran di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa bagi memberikan makna yang tepat dan betul pada elemen 'pencemar' dan elemen 'buangan' tersebut, perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1) Akta 127 tersebut hendaklah dibaca secara disjunktif. Ini kerana jika perkataan 'berbahaya' dalam peruntukan tersebut dibaca secara konjunktif dengan 'pencemar' dan 'buangan' sebagaimana yang dihujahkan oleh peguam perayu yang terpelajar, dari segi bahasa dan tatabahasa, ia tidak gramatis, tidak berpadanan, tidak cocok, tidak menepati Hukum DM, tidak menepati tatabahasa Melayu dan tidak membawa apa-apa maksud. Hukum DM ialah rumus tatabahasa yang bermaksud, D = diterangkan dan M = menerangkan. Dalam tatabahasa Melayu, unsur yang diterangkan itu hadir pada kedudukan pertama dan unsur yang menerangkan hadir pada kedudukan kedua.

H

I

[26] Berdasarkan analisis di atas, sekiranya perkataan 'berbahaya' tersebut dibaca secara disjunktif pada ketiga-tiga elemen alam sekeliling, pencemar dan

buangan tersebut, jika dipecahkan ayat bagi ketiga-tiga elemen tersebut, setiap elemen akan berbunyi seperti yang berikut:

(a) 'Jika mana-mana *benda yang berbahaya kepada alam sekeliling* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis ...';

(b) 'Jika mana-mana *pencemar* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis ...'; dan

(c) 'Jika mana-mana *buangan* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis ...'.

[27] Namun sekiranya perkataan 'berbahaya' dibaca secara konjunktif pada ketiga-tiga elemen alam sekeliling, pencemar dan buangan tersebut, jika dipecahkan ayat bagi ketiga-tiga elemen tersebut, setiap elemen akan berbunyi seperti yang berikut:

(a) 'Jika mana-mana *benda yang berbahaya kepada alam sekeliling* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis ...';

(b) 'Jika mana-mana *benda yang berbahaya kepada pencemar* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis ...'; dan

(c) 'Jika mana-mana *benda yang berbahaya kepada buangan* sedang atau mungkin akan dikeluarkan, dilepaskan atau diletakkan daripada mana-mana kenderaan, kapal atau premis ...'.

[28] Merujuk kepada perenggan 27 di atas, mahkamah ini mendapati dari segi bahasa dan tatabahasa, perkataan 'berbahaya' tersebut hanya sesuai dan tepat dipadankan dengan elemen 'alam sekeliling' sahaja, iaitu sebagaimana yang diperuntukkan dalam s 31(1) Akta 127 sedia ada. Sekiranya perkataan 'berbahaya' tersebut hendak dibaca secara konjunktif dengan perkataan 'pencemar' dan 'buangan', iaitu sebagaimana contoh yang dinyatakan dalam perenggan 27 di atas, pada pendapat mahkamah ini, ia tidak gramatis, tidak berpadanan, tidak cocok, tidak menepati Hukum DM, tidak menepati tatabahasa Melayu dan tidak membawa apa-apa maksud.

[29] Sebagai kesimpulan, bagi menjawab isu pertama, berdasarkan alasan-alasan di atas, mahkamah ini berpendapat bahawa perkataan 'berbahaya' dalam s 31(1) Akta 127 hanya terpakai kepada elemen 'alam sekitar' sahaja dan tidak terpakai kepada elemen 'pencemar' dan elemen 'buangan'. Oleh itu, pada pendapat mahkamah ini, pihak pendakwaan tidak

perlu membuktikan elemen 'berbahaya' pada elemen 'buangan' sepertimana yang terdapat dalam pertuduhan terhadap perayu tersebut.

Isu kedua

Peringkat kes pendakwaan

[30] Berdasarkan s 180 Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), di akhir kes pendakwaan mahkamah hendaklah menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh. Jika jawapannya tidak, mahkamah hendaklah membebaskan tertuduh dan jika jawapannya ya, mahkamah hendaklah memanggil tertuduh untuk membela diri. Peruntukan tersebut adalah seperti yang berikut:

> 180 Procedure after conclusion of case for prosecution
>
> (1) *When the case for the prosecution is concluded, the Court shall consider whether the prosecution has made out a prima facie case against the accused.*
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has not made out a prima facie case against the accused, the Court shall record an order of acquittal.
>
> (3) *If the Court finds that a prima facie case has been made out against the accused on the offence charged the Court shall call upon the accused to enter on his defence.*
>
> (4) *For the purpose of this section, a prima facie case is made out against the accused where the prosecution has adduced credible evidence proving each ingredient of the offence which if unrebutted or unexplained would warrant a conviction.*

[31] Dalam *Mozley and Whiteley's Law Dictionary* (11th Ed), perkataan prima facie telah ditafsirkan sebagai:

> A litigating party is said to have a prima facie case when the evidence in his favour is sufficiently strong for his opponent to be called on to answer it. *A prima facie case, then, is one which is established by sufficient evidence, and can be overthrown only by rebutting evidence adduced by the other side.* (Penekanan ditambah.)

[32] Perkataan prima facie juga telah ditafsirkan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301. Dalam kes ini, Augustine Paul JCA (pada ketika itu) telah mentafsirkan perkataan prima facie seperti yang berikut:

> A prima facie case is therefore one that is sufficient for the accused to be called upon to answer. This in turn means that the evidence adduced must be such that it can be overthrown only by evidence in rebuttal.
>
> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: Is the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer

is in the affirmative then a prima facie case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no prima facie case.

[33] Untuk membuktikan suatu kes prima facie, Mahkamah Rayuan dalam *Looi Kow Chai & Anor v Public Prosecutor* [2003] 2 MLJ 65; [2003] 1 CLJ 734 telah memutuskan bahawa mahkamah hendaklah membuat penilaian maksimum (*maximum evaluation*) terhadap kesemua keterangan yang dikemukakan di peringkat kes pendakwaan. Prinsip undang-undang ini telah diputuskan oleh Gopal Sri Ram JCA (pada ketika itu) seperti yang berikut:

It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution case. *He must subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case*? If the answer is in the negative then no *prima facie* case has been made out and the accused would be entitled to an acquittal. (Penekanan ditambah.)

[34] Pendekatan penilaian maksimum dalam kes *Looi Kow Chai* tersebut telah diterima pakai oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Public Prosecutor v Mohd Radzi bin Abu Bakar* [2005] 6 MLJ 393. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan telah memberi panduan kepada mahkamah bawahan tentang langkah-langkah yang mesti diambil oleh mahkamah di akhir kes pendakwaan. Dalam menyampaikan penghakiman Mahkamah Persekutuan, Gopal Sri Ram JCA (pada ketika itu) telah menyatakan seperti yang berikut:

[8] For the guidance of the courts below, we summarise as follows the steps that should be taken by a trial court at the close of the prosecution's case:

(i) the close of the prosecution's case, subject the evidence led by the prosecution in its totality to a maximum evaluation. Carefully scrutinise the credibility of each of the prosecution's witnesses. Take into account all reasonable inferences that may be drawn from that evidence. If the evidence admits of two or more inferences, then draw the inference that is most favourable to the accused;

(ii) ask yourself the question: If I now call upon the accused to make his defence and he elects to remain silent am I prepared to convict him on the evidence now before me? If the answer to that question is 'Yes', then a *prima facie* case has been made out and the defence should be called. If the answer is 'No' then, a *prima facie* case has not been made out and the accused should be acquitted;

(iii) after the defence is called, the accused elects to remain silent, then convict;

(iv) after defence is called, the accused elects to give evidence, then go through the steps set out in *Mat v Public Prosecutor* [1963] MLJ 263. (Penekanan ditambah.)

[35] Selanjutnya, dalam kes *Magendran a/l Mohan v Public Prosecutor* [2011] 6 MLJ 1; [2011] 1 CLJ 805, perkataan prima facie telah dijelaskan oleh Alauddin Mohd Sheriff PCA seperti yang berikut:

> *The test at the end of the prosecution's case is 'prima facie case' based on a maximum evaluation of evidence*. The evidence has to be scrutinised properly and not perfunctorily, cursorily or superficially. *If the evaluation of the evidence results in doubts in the prosecution's case, then a prima facie case has not been made out. The defence ought not to be called merely to clear or clarify such doubts*. (Penekanan ditambah.)

[36] Seterusnya, dalam kes Mahkamah Persekutuan *Abdullah bin Atan v Public Prosecutor and other appeals* [2020] 6 MLJ 727, Tengku Maimun bt Tuan Mat CJ telah mengesahkan tafsiran prima facie sepertimana yang diputuskan oleh Vincent Ng J dalam kes *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209, iaitu seperti yang berikut:

> As to what constitutes 'a prima facie' case, the judgment of Vincent Ng J (as he then was) in *Public Prosecutor v Ong Cheng Heong* [1998] 6 MLJ 678; [1998] 4 CLJ 209 is instructive. Although *Ong Cheng Heong* was decided prior to the amendment in 2006, we respectfully endorse His Lordship's views, at p 225:
>
> > What then constitutes a 'prima facie case'? *'Prima facie' means on the face of it or at first glance* ... perhaps the most appropriate definition of 'a prima facie case' could be found in the Oxford Companion of Law (p. 987), which has it as: *'A case which is sufficient for an answer. While prima facie evidence is evidence which is sufficient to establish a fact in the absence of any evidence to the contrary, but is not conclusive*. (Emphasis added). It would follow that there should be credible evidence on each and every ingredient of the offence. Credible evidence is evidence which has been filtered and which has gone through the process of evaluation. Any evidence which is not safe to be acted upon, should be rejected.
>
> At p 224, His Lordship said:
>
> > ... to me, maximum evaluation simply means evaluation, on a prima facie basis, of each and *every essential ingredient of the charge as tested in cross-examination*. In other words, *maximum evaluation connotes quantitative rather than qualitative evaluation of the evidence*; with focus more on the evidential burden in terms of evidence led, rather than the persuasive burden in terms of qualitative degree of proof. (Penekanan ditambah.)

[37] Berdasarkan nas-nas undang-undang di atas, mahkamah ini mendapati bahawa untuk menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap tertuduh di akhir kes pendakwaan, mahkamah hendaklah membuat penilaian maksimum terhadap semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan mengenai setiap inti pati pertuduhan dan memastikan tiada keraguan yang berbangkit dalam keterangan pihak pendakwaan.

[38] Dalam kes ini, terdapat tiga inti pati yang perlu dibuktikan secara prima facie oleh pihak pendakwaan di akhir kes pendakwaan bagi pertuduhan di bawah s 31(1)(g) Akta 127, iaitu seperti yang berikut:

(a) perayu sedang mengeluarkan atau melepaskan buangan atau efluen daripada premis tersebut;

(b) Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia telah mengeluarkan notis arahan secara bertulis menghendaki pemunya premis untuk mengambil langkah-langkah dalam tempoh dan mengikut cara yang dinyatakan dalam notis arahan tersebut; dan

(c) perayu gagal mematuhi notis arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia.

[39] Setelah mahkamah ini meneliti keterangan SP1, SP2, SP3, eksh P2 (1 hingga 18) (18 keping gambar) dan eksh P8 (notis arahan di bawah s 31 dan 37 Akta 127) dan alasan penghakiman hakim mahkamah sesyen yang bijaksana, mahkamah ini mendapati dapatan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan secara prima facie ketiga-tiga inti pati pertuduhan tersebut di akhir kes pendakwaan adalah betul dan tepat dan mahkamah ini tidak perlu mengganggu dapatan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tersebut.

[40] Berdasarkan keterangan SP1, SP2, SP3, eksh P2 dan ekshibit tersebut, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati terdapat keterangan-keterangan yang mencukupi yang menunjukkan bahawa perayu telah membuang efluen perindustrian yang dihasilkan oleh premis perayu ke dalam petak sawah padi dan tanaman rumput napier tanpa sebarang kelulusan daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia dengan menggunakan lori bernombor pendaftaran AER 5595 dan KAT 9890.

[41] Selanjutnya, berdasarkan keterangan SP1, SP2, SP3, eksh P2 dan P8 tersebut juga, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati terdapat keterangan-keterangan yang mencukupi yang menunjukkan bahawa:

(a) perayu telah menerima notis arahan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia, iaitu secara pos AR Berdaftar, yang menghendaki perayu untuk menghentikan serta-merta aktiviti pembuangan efluen ke sawah padi atau mana-mana perairan daratan atau permukaan tanah tanpa Kebenaran Bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling dan meleraikan semua komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir bagi tujuan pemindahan efluen ke lori tangki; dan

(b) perayu gagal mematuhi notis arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia.

[42] Dalam kes *Public Prosecutor v Cocolin Industries Sdn Bhd* [2007] MLJU 499; [2008] 8 CLJ 116, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa kesalahan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 adalah kesalahan *strict liability*. Oleh itu, memandangkan perayu dalam kes ini tidak menafikan penerimaan notis arahan tersebut, perayu hendaklah mematuhi dan melaksanakan segala arahan yang diberikan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling dalam notis arahan tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga notis arahan tersebut tamat pada 19 Disember 2015, perayu masih gagal mematuhi dan melaksanakan arahan dalam notis arahan itu.

[43] Fakta kes perayu hampir sama dengan kes *Public Prosecutor v Cocolin Industries Sdn Bhd*. Sebagai perbandingan, fakta kes *Public Prosecutor v Cocolin Industries Sdn Bhd* sebagaimana dilaporkan dalam laporan kes undang-undang adalah seperti yang berikut:

> The prosecution herein appealed against the decision of the sessions judge who acquitted and discharged the respondent at the close of the prosecution's case. The respondent was charged under s 31(1) of the Environmental Quality Act 1974 (EQA 1974) and punished under s 31(3) of the same. The complaint against the respondent was that the Assistant Environment Control Officer (PW5) had inspected the respondent's premise and found that the effluent from the premise was channelled into two ponds. The two ponds were not functioning effectively to treat the effluent. In consequence of the inspection, PW1 confirmed that a notice dated 11 October 2001 was issued under s 31 of EQA 1974 to instruct the respondent to install and operate controlled equipment to reduce water pollution from the premise within three months from said letter. PW5 had confirmed that the said notice was received by the respondent based on the fact that the respondent had written a letter referring to the date in exh. P1 on the respondent's own letterhead. PW5 further said that on 7 March 2002 he went to inspect the respondent's premise to check whether the notice was complied with. Upon inspection he did not find any change to the existing system, and the respondent had not installed controlled equipment to reduce the water pollution. In consequences of non-compliance, the said charge was preferred. The respondent's defence was two fold in that (i) no proper notice was served according to the law and (ii) the respondent by having two ponds for effluent treatment was in compliance with the law as the respondent had such controlled equipment installed and operated. It was the appellant's contention that the sessions court judge had erred in law and in fact when she, inter alia, held at one breath that the accused had not received the notice issued and yet in another breath opined that the accused had complied with the requirement of the notice.

[44] Dalam kes *Public Prosecutor v Cocolin Industries Sdn Bhd*, Mahkamah Tinggi telah memutuskan bahawa sebagai kesalahan *strict liability*, apabila pihak pendakwaan berjaya membuktikan secara prima facie yang tertuduh telah menerima notis arahan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 dan perayu gagal mematuhi arahan dalam notis arahan tersebut, maka beban adalah terletak ke atas tertuduh untuk membuktikan sebaliknya. Dalam penghakimannya, Hamid Sultan Abu Backer JC (pada ketika itu) telah menyatakan seperti yang

berikut:

[7] I have read the submission of the appellant and the respondent in detail. I do not wish to deal with each and every issue raised by appellant in point, as the matter is still at the prosecution stage. *For the prosecution to establish a prima facie case, it is sufficient if there is evidence to show that the respondent had received the said notice exh P1 and that the respondent had failed to comply with the terms of the notice*. Thus, the *sine qua non* to prosecute a charge under s 31(1) EQA 1974 is that *the prosecution must show that notice was served and the respondent had notification of the said notice*. The manner in which such notice may be served is set out in s 39(1) of EQA 1974; it reads as follows:

39 Service of notices.

(1) Every notice, order, summons or document required or authorized by this Act or any regulations made thereunder to be served on any person may be served:

(a) by delivering the same to such person or by delivering the same to some adult member or servant of his family;

(b) by leaving the same at the usual or last known place of abode or business of such person in a cover addressed to such person; or

(c) by forwarding the same by registered post in a prepaid cover addressed to such person at his usual or last known place of abode or business.

In my view, for purpose of criminal prosecution, strict compliance of the mode of service is essential to ensure that the accused is fully aware of what he is required to do. This is a significant concept of natural justice and procedural fairness. If the court, for any reason, takes the view that proper notice had not been served and the accused was not aware of the said notice, even though the prosecution is able to demonstrate that they have complied with the provision of s 39(1) EQA 1974, the court is entitled to rule that the prosecution has not established one of the vital ingredients of the offence. This is so because compliance of s. 39(1) of EQA 1974 only raises a rebuttable presumption in law that the notice has been served. A presumption is an inference of fact, drawn from other known or proved facts. It is a rule of law under which the courts are authorised to draw a particular inference from a particular fact, unless and until the truth of such inference is disproved by other evidence. The Evidence Act 1950 (EA 1950) does not define the meaning of presumption. The law in respect of presumption is encapsulated in s. 4 of EA 1950, which reads as follows:

(1) Whenever it is provided by this Act that the court may presume a fact, it may either regard the fact as proved unless and until it is disproved, or may call for proof of it.

(2) Whenever it is directed by this Act that the court shall presume a fact, it shall regard the fact as proved unless and until it is disproved.

(3) When one fact is declared by this Act to be conclusive proof of another, the court shall, on proof of the one fact, regard the other as

proved, and shall not allow evidence to be given for the purpose of disproving it.

However, on the facts of this case, though there is no clear evidence to show the manner it was served, there is unchallenged evidence that the respondent had such a notice. This is evidenced by exh. P6. Thus, I take the view that exh. P6 corroborates the evidence of PW5 who had explained the manner the notice was served.

[8] In respect of *whether the respondent has complied with the notice, there is clear evidence from PW5 that the respondent has not complied with the terms stated in the notice. Section 31(1) is a strict liability offence where the burden of proof is on the respondent to show that they have installed and operated controlled equipment or additional controlled equipment to reduce water pollution within three months from the date of the said notice. This can only be achieved on the facts of this case at the defence stage*.

[9] For reasons stated above, I allow the appellant's appeal, and set aside the judgment of the learned sessions court judge dated 28 November 2006 and *direct the Sessions Court to call for the defence* ... (Penekanan ditambah.)

[45] Dalam kes ini, berbeza dengan kes *Public Prosecutor v Cocolin Industries Sdn Bhd*, perayu telahpun menerima notis arahan tersebut secara sempurna. Sungguhpun begitu, perayu masih berdegil meneruskan proses pemindahan efluen dari kolam takungan nombor 4 yang dipam masuk ke dalam lori-lori dengan menggunakan komponen-komponen unit pam dan membuang efluen tersebut ke sawah padi tanpa kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling.

[46] Selain itu, mahkamah ini juga mendapati perayu masih tidak meleraikan komponen-komponen pemasangan unit pam sepertimana diarahkan dalam notis arahan tersebut. Pada pendapat mahkamah ini, perbuatan perayu tersebut jelas melanggar dan tidak mematuhi notis arahan bertarikh 19 November 2015 yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis.

[47] Oleh itu, berdasarkan doktrin *strict liability* dan keterangan SP1, SP2, SP3, eksh 2 dan P8 dalam kes ini, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap perayu di akhir kes pendakwaan bagi pertuduhan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 dan oleh itu, perayu telah diperintahkan untuk membela diri atas pertuduhan tersebut.

Kes pembelaan

[48] Tugas mahkamah di akhir kes pembelaan ialah menimbang semua keterangan yang dikemukakan di hadapannya dan memutuskan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap tertuduh. Perkara ini telah dinyatakan dalam s 182A Akta 593 seperti yang berikut:

> 182A Procedure at the conclusion of the trial
>
> (1) At the conclusion of the trial, the Court shall consider *all the evidence* adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.
>
> (2) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it.
>
> (3) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal.

[49] Berdasarkan peruntukan tersebut, jika pihak pendakwaan berjaya membuktikan suatu kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap tertuduh, mahkamah hendaklah mensabitkan tertuduh dengan kesalahan tersebut. Jika tidak, mahkamah hendaklah membebaskan tertuduh.

[50] Tugas pihak pembelaan di peringkat kes pembelaan pula ialah mematahkan keterangan pihak pendakwaan di peringkat kes pendakwaan dan menimbulkan keraguan terhadap pertuduhan dan kes pendakwaan. Sekiranya mahkamah mendapati wujud keraguan terhadap pertuduhan dan kes pendakwaan, mahkamah hendaklah membebaskan tertuduh daripada pertuduhan tersebut.

[51] Di peringkat kes pembelaan, seramai dua orang saksi telah dipanggil untuk memberi keterangan, iaitu Khairul Akhbar bin Ahmad Zabidi, Pengurus Alam Sekitar, Makmal dan Keselamatan Pekerja di Fermpro Sdn Bhd Perlis (DW1) dan Ng Hock Hoo, Assistant Maintenance Manager di Fermpro Sdn Bhd (DW2).

[52] Antara cabutan keterangan DW1 dan DW2 semasa pemeriksaan utama dan pemeriksaan balas adalah seperti yang berikut:

> DW1
>
> Pemeriksaan Utama
>
> Q7: Dalam kes ini, Fermpro dituduh berdasarkan notis pihak Fermpro buang effluent di sawah padi. Adakah efluen itu ada di syarikat Fermpro?
>
> A: Ya.
>
> Q8: Di mana disimpan?

A: Dalam kolam rawatan sisa buangan.

Pemeriksaan Balas

Q1: Adakah notis arahan yang diberikan kepada kilang Fermpro Sdn Bhd bertarikh 19.12.2015 dimaklumbalas oleh Jabatan Alam Sekitar?

A: Ya, selalunya perbincangan sebelum maklumbalas.

Q2: Ada surat maklumbalas dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar?

A: Tak pasti.

Q3: Berdasarkan keterangan kamu, Fermpro Sdn Bhd tidak berpuas hati dengan notis arahan. Adakah Fermpro Sdn Bhd ada kemukakan surat bantahan atau rayuan kepada Jabatan Alam Sekitar selepas notis arahan diberikan?

A: Bila notis arahan diberi, saya akan terus ke pejabat untuk berbincang untuk maklumkan tindakan.

Q4: Adakah bantahan atau rayuan tersebut dikemukakan secara bertulis?

A: Tidak.

Q5: Setuju jika saya katakan surat tidak dimaklumbalas kepada Jabatan Alam Sekitar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis arahan tersebut?

A: Ya.

...

Q11: Ada bukti tiada halangan dari Jabatan Alam Sekitar?

A: Ada dengan peguam saya.

Q12: Surat bertarikh bila yang katakan Jabatan Alam Sekitar tiada halangan terhadap aktiviti pembuangan sisa buangan ke kawasan sawah padi?

A: Surat 27.8.2012.

Q13: Sila rujuk surat 27.8.2012, Jabatan Alam Sekitar tiada halangan *tapi untuk tempoh percubaan sahaja*. Kes ini tahun *2015* dan telah beberapa tahun selepas surat kebenaran dikeluarkan, kamu setuju surat ini tidak bererti Fermpro Sdn Bhd boleh sentiasa buang efluen pada bila-bila masa sehingga sekarang? Surat ini hanya untuk tempoh percubaan sahaja.

A: Setuju.

...

Q16: Kamu setuju efluen yang dikeluarkan dari Fermpro Sdn Bhd adalah separa terawat?

A: Setuju.

DW2

Pemeriksaan Balas

Q1: Kamu tahu cecair yang dibuang ke tanah sawah ialah effluen perindustrian yang terdapat peraturan Jabatan Alam Sekitar untuk kawalnya? Iaitu kena ikut peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 sebelum effluen dibuang?

A: Ya, saya tahu.

Q2: Adakah kamu tahu bahawa perbuatan membuang effluen tersebut merupakan satu kesalahan di bawah s 24 iaitu sekatan tentang pencemaran tanah tanih di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974?

A: Saya tahu kalau kita buang effluen adalah satu kesalahan tapi saya tidak pasti akta yang mana tanpa buat rujukan.

...

Q9: Adakah Fermpro Sdn Bhd dapat kelulusan dari Jabatan Alam Sekitar untuk buang effluen yang kamu katakan baja ke sawah padi?

A: Setahu saya kami ada buat permohonan dan perjumpaan dengan Jabatan Alam Sekitar.

...

Q13: Semasa siasatan Jabatan Alam Sekitar, didapati pam digunakan untuk sedut effluen dari kolam 4 ke lori, kamu setuju?

A: Kami ada paip sepanjang kolam dan kami boleh buka bila perlu.

Q14: Pada 29.2.2016 pam tersebut telah digunakan untuk sedut effluen dari kolam 4 masuk lori tangki, kamu setuju?

A: Ya saya setuju.

...

Q18: Sila rujuk P8, notis arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Perlis bertarikh 19.11.2015. Saya katakan kepada kamu bahawa notis arahan tersebut tidak dipatuhi oleh Fermpro Sdn Bhd kerana semasa siasatan pada 29.2.2016, didapati komponen pam tersebut masih digunakan dan belum dileraikan.

A: Ya saya setuju disebabkan pam dan paip ini digunakan untuk pelbagai tujuan dan penggunaannya membantu kurangkan pencemaran.

[53] Berdasarkan cabutan keterangan DW1 dan DW2 di atas, mahkamah ini mendapati kedua-dua saksi pembelaan tersebut antara lain memberikan keterangan seperti yang berikut:

(a) mengakui perayu telah menerima notis arahan tersebut;

(b) mengakui perayu tiada mengemukakan surat bantahan atau rayuan kepada Jabatan Alam Sekitar selepas menerima notis arahan tersebut;

(c) mengakui efluen tersebut disimpan di premis perayu, iaitu dalam kolam rawatan sisa buangan;

(d) mengakui perayu membuang efluen tersebut ke sawah padi;

(e) mengakui surat yang menyatakan Jabatan Alam Sekitar tiada halangan terhadap aktiviti pembuangan sisa buangan ke kawasan sawah padi ialah pada tahun 2012 dan bukannya pada tahun 2015 semasa kesalahan ini dilakukan oleh perayu;

(f) mengakui efluen yang dikeluarkan dari premis perayu adalah separa terawat;

(g) mengetahui cecair yang dibuang ke tanah sawah ialah efluen perindustrian yang perlu mengikuti peraturan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974;

(h) mengetahui perbuatan membuang efluen tersebut merupakan satu kesalahan di bawah undang-undang;

(i) mengakui pam digunakan untuk sedut efluen dari kolam 4 masuk ke lori tangki; dan

(j) mengakui perayu tidak mematuhi notis arahan tersebut kerana semasa siasatan pada 29 Februari 2016, komponen pam tersebut masih digunakan dan belum dileraikan.

[54] Berdasarkan cabutan keterangan saksi-saksi pihak pembelaan di atas, mahkamah ini mendapati saksi-saksi pihak pembelaan sendiri bersetuju dan mengakui bahawa perayu telah menerima notis arahan tersebut dan telah gagal mematuhi arahan-arahan yang diberikan dalam notis arahan tersebut.

[55] Oleh itu, mahkamah ini bersetuju dengan dapatan dan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana di akhir kes pembelaan bahawa 'setelah meneliti keterangan saksi pendakwaan, saksi pembelaan, ekshibit dan hujahan kedua-dua pihak serta menimbangkan keseluruhan kes, mahkamah mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes melampaui keraguan munasabah dan pihak pembelaan telah gagal menimbulkan sebarang keraguan dalam kes pendakwaan. Oleh yang demikian, OKS didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan'.

[56] Pada pendapat mahkamah ini, dapatan dan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana dalam mensabitkan perayu atas kesalahan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 tersebut adalah betul dan menepati kehendak s 182A Akta 593 yang dinyatakan di atas, iaitu mahkamah hendaklah menimbangkan semua keterangan yang dikemukakan di peringkat kes pendakwaan dan pembelaan sebelum membuat keputusan di akhir kes pembelaan.

[57] Mengenai hukuman, setelah menimbangkan rayuan perayu, hakim mahkamah sesyen yang bijaksana telah menjatuhkan hukuman seperti yang berikut ke atas perayu:

(a) denda sebanyak RM25,000, jika gagal bayar, pihak kerajaan boleh melevi harta syarikat melalui Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis;

(b) denda tambahan sebanyak RM5,000, jika gagal bayar, pihak Kerajaan boleh melevi harta syarikat melalui Jabatan Alam Sekitar, Negeri Perlis; dan

(c) pihak perayu diperintahkan meleraikan komponen pemasangan unit pam di kolam terakhir bagi tujuan pemindahan efluen ke lori tangki.

[58] Setelah mengambil kira keseluruhan fakta dalam kes ini dan bahawa perayu telah disabitkan atas kesalahan tersebut setelah suatu perbicaraan penuh dijalankan, mahkamah ini berpendapat bahawa hukuman yang dikenakan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana tersebut bukanlah suatu jumlah yang sangat melampau (*not manifestly excessive*) dan adalah setimpal dengan kesalahan yang telah dilakukan oleh perayu. Oleh itu, mahkamah ini berpendapat hukuman tersebut tidak memerlukan campur tangan mahkamah ini yang mendengar rayuan tersebut (*appellate intervention*).

[59] Berdasarkan alasan-alasan di atas, untuk isu kedua, mahkamah ini mendapati pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kesnya melampaui keraguan yang munasabah di akhir kes pembelaan, dan oleh itu, telah menolak rayuan perayu terhadap sabitan dan hukuman dan mengekalkan keputusan hakim mahkamah sesyen yang bijaksana terhadap sabitan dan hukuman.

KESIMPULAN

[60] Sebagai kesimpulan, berdasarkan alasan-alasan yang dinyatakan di atas, mahkamah ini menjawab kedua-dua isu yang berbangkit dalam rayuan ini seperti yang berikut:

(a) elemen 'berbahaya (*hazardous*)' tidak terpakai kepada elemen 'buangan/efluen (*waste*)' di bawah s 31(1) Akta 127 kerana ketiga-tiga elemen alam sekitar, pencemar dan buangan dalam peruntukan itu hendaklah dibaca secara disjunktif; dan

(b) berdasarkan s 182A Akta 593, dengan mengambil kira semua keterangan dalam kes ini, mahkamah ini berpuas hati dan mendapati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes melampaui keraguan yang munasabah terhadap perayu bagi pertuduhan di bawah s 31(1)(g) Akta 127.

[61] Oleh itu, mahkamah ini memutuskan keseluruhan rayuan perayu ditolak, manakala sabitan dan hukuman yang dikenakan oleh hakim mahkamah sesyen yang bijaksana ke atas perayu bagi kesalahan di bawah s 31(1)(g) Akta 127 tersebut dikekalkan.

Rayuan ditolak, sabitan dan hukuman dikekalkan.

Dilaporkan oleh Izzat Fauzan